

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apabila Kerajaan melaksanakan Batalion 10 PGA di tapak seluas 321 ekar di Sg. Paoh, Sarikei yang akan meningkatkan jumlah pelajar yang sangat besar di SK Sg. Paoh dan SMK Sg. Paoh, adakah Kementerian akan mengambil pertimbangan terhadap pembangunan sekolah-sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil maklum mengenai kelulusan kerajaan bagi projek pembinaan Kem Batalion 10 Pasukan Gerakan Am (PGA) Sibu di Sungai Paoh, Sarikei. Projek ini turut melibatkan pembinaan kuarters kediaman bagi menempatkan keluarga anggota PGA.

Berdasarkan lokasi tapak projek, pembinaan kem ini adalah berhampiran dengan SMK Sungai Paoh dan SK Sungai Paoh, iaitu terletak lebih kurang satu kilometer daripada sekolah. Keadaan ini akan memberi kesan kepada sekolah apabila kem berkenaan siap dan mula diduduki oleh anggota PGA serta keluarga, termasuk anak-anak yang perlu dihantar ke sekolah berhampiran. Justeru, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak akan melaksanakan kajian keperluan bagi mendapatkan unjuran murid yang akan bersekolah apabila Kem Batalion 10 PGA mula beroperasi kelak.

Berdasarkan unjuran yang telah dibuat sebelum ini KPM mendapati terdapat keperluan untuk membina bangunan tambahan di SMK Sungai Paoh bagi menampung pertambahan murid. Sehubungan itu, KPM telah mengemukakan permohonan mengenai cadangan pembinaan tambahan bangunan di SMK Sungai Paoh dalam *Rolling Plan* yang pertama (1), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Skop projek yang dicadangkan adalah pembinaan tambahan bangunan bilik darjah, pembinaan gantian asrama dan kemudahan-kemudahan lain. Pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan kerajaan.

Bagi tujuan kerja-kerja naik taraf, baik pulih dan penyelenggaraan sekolah, sejumlah RM1.285 juta telah disalurkan kepada SMK Sungai Paoh untuk tempoh lima tahun, antara tahun 2016 hingga tahun 2020. Bagi tahun 2020, KPM telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM704,000 termasuk RM400,000 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 kepada sekolah ini.

Bagi SK Sungai Paoh pula, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak pada November 2019 telah mengesahkan bahawa bangunan akademik dan pentadbiran di SK Sungai Paoh adalah bangunan daif yang tidak selamat digunakan. Berdasarkan analisis skor gred impak, bangunan ini berada pada tahap 6. Sehubungan ini, KPM perlu mendapatkan pengesahan teknikal daripada Jabatan Kerja Raya Sarawak bagi mengenal pasti sama ada bangunan daif tersebut boleh dibaiki melalui penyelenggaraan atau perlu digantikan dengan bangunan baharu.

Sekian, terima kasih.